




# **PELAN STRATEGIK ICT JAWHAR**



# PELAN STRATEGIK ICT JAWHAR

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkhidmatan Awam mempunyai peranan yang amat besar dalam menyahut cabaran masyarakat berpengetahuan dalam era globalisasi dan informasi ini dengan menyediakan sistem penyampaian yang memenuhi kehendak pelanggan dan menjadikan Malaysia lebih berdaya saing. Dengan itu, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sentiasa mempertingkatkan usaha memantapkan perancangan ICT bagi memastikan pelaksanaan segala tanggungjawabnya selaras dengan visi Kerajaan untuk menghasilkan Perkhidmatan Awam yang lebih cekap dan berkualiti.

Satu perancangan yang teliti di peringkat pusat telah dijalankan, di mana Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Sektor Awam atau *Public Sector ICT Strategic Plan (ISP)* telah dilancarkan pada Ogos 2003 oleh MAMPU di mana ianya menggariskan hala tuju pelaksanaan ICT Sektor Awam dengan mengutarkan rangka kerja ICT, bidang teras yang perlu dipertingkatkan dan sasaran polisi ICT. Semua agensi Kerajaan perlu menyedia dan memperkemaskan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) atau *ICT Strategic Plan (ISP)* masing-masing bersetujuan dengan hala tuju dan objktif strategik organisasi dan juga sejajar dengan ISP Sektor Awam tersebut.

Sehubungan dengan itu, JAWHAR perlu membangunkan pelan strategik ICT bagi menjajarkan inisiatif ICT secara menyeluruh untuk memenuhi keperluan semasa dan akan datang. Pelan ini akan meneliti tahap penggunaan, mengenalpasti pelbagai isu, cabaran dan kelemahan dalam pembangunan ICT. Di samping itu, ia juga akan memfokuskan ke arah mewujudkan aplikasi yang bersepadu, cekap dan berkesan menerusi teknologi ICT yang terkini agar dapat memacu sistem penyampaian perkhidmatan JAWHAR yang bertaraf dunia.

## PENGENALAN


Tujuan penyediaan dokumen ini adalah untuk mengemukakan pembangunan Pelan Strategik ICT JAWHAR dengan menyediakan satu rangka kerja yang komprehensif ke arah mewujudkan persekitaran penggunaan dan pembangunan ICT yang terancang untuk tempoh lima tahun (2007 – 2011). Dokumen ini meliputi latar belakang organisasi, maklumat korporat, hala tuju ICT yang strategik, isu-isu persekitaran serta pelan strategik ICT JAWHAR dan faktor-faktor kejayaan kritikal.

## PENDEKATAN PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK

Pendekatan yang digunakan bagi menyediakan pelan strategik ini adalah berpaksikan kepada Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011). Di samping itu, pembangunan ISP JAWHAR ini adalah selari dengan Garis Panduan ISP Sektor Awam Malaysia bagi memastikan hal ehwal pengurusan ICT di setiap agensi kerajaan selari dengan ISP Sektor Awam.



# LATAR BELAKANG JAWHAR



## LATAR BELAKANG JAWHAR

### SEJARAH PENUBUHAN

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah diisytiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi semasa mengumumkan kabinet kerajaan Malaysia.

Pengumuman itu mencatatkan sejarah tersendiri yang menjadi titik permulaan usaha Kerajaan Persekutuan membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah pada masa hadapan.

Iltizam YAB Perdana Menteri seterusnya dizahirkan lagi dalam ucapan beliau semasa pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9.

*“Di samping itu, kita akan membangunkan sumber modal Bumiputera, seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam dan membantu usaha pembangunan insan”.*

Pelancaran rasmi JAWHAR disempurnakan pada 8 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H oleh YB Dato' Dr Abdullah Bin Md Zin, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku menteri yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal Islam. Di dalam ucapan perasmianya, YB Menteri menegaskan hasrat Kerajaan seperti berikut:

*“Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ini bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Ia juga bermaksud untuk meningkatkan keberkesaan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang”.*

### OBJEKTIF

Objektif penubuhan JAWHAR adalah untuk memastikan perancangan, penyelaras dan pelaksanaan dasar serta program pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dalam setiap rancangan pembangunan negara kekal relevan dan dipantau dengan berkesan demi kemajuan ummah.

### DASAR KUALITI

Setiap warga kerja JAWHAR beriltizam untuk menghasilkan perkhidmatan berkualiti tinggi, profesional, responsif dan berintegriti yang berteraskan syariat Islam serta memenuhi kehendak stakeholders dan pelanggan.

## KOD ETIKA

Falsafah Pengurusan JAWHAR berteraskan kepada Prinsip **HIJRAH** iaitu:

*H*emah dan Beradab  
*I*ntegriti dan Telus  
*J*ati Diri Kental, Komited dan Profesional  
*R*esponsif dan Menepati Masa  
*A*krab dan Kerja Berpasukan  
*H*ikmah dan Berpengetahuan

## MAKLUMAT KORPORAT

### VISI

Menyedari harapan dan tanggungjawab besar yang diamanahkan dalam memajukan harta umat Islam, JAWHAR telah menetapkan visinya iaitu **untuk menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.**

### MISI

Kejayaan merealisasikan visi ini disandarkan kepada tiga misi yang akan menjadi landasan kepada penjelmaan sebuah jabatan yang unggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji. Misi JAWHAR adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang bertaraf dunia;
- Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji; dan
- Memantapkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.

### FUNGSI

1. Merancang, membangun dan menyelaras pembangunan fizikal, perundangan dan institusi wakaf, zakat dan mal agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah;

2. Memberi khidmat nasihat dan maklum balas kepada YB Menteri selaras dengan Peruntukan Akta Tabung Haji (A 535) mengenai isu-isu yang berkaitan perundangan, pelaburan dan pengurusan haji;
3. Menjalankan kajian, penyelidikan, penerbitan dan penyelarasan mengenai isu-isu dan program-program pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah; dan
4. Memberi khidmat sokongan dalam pengurusan pentadbiran, sumber manusia dan kewangan serta peningkatan kecekapan sistem maklumat (ICT) bagi Jabatan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Lembaga Tabung Haji.

### **PIAGAM PELANGGAN**

JAWHAR beriltizam untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagai jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah melalui pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan:

1. Melaksanakan sekurang-kurangnya 90% program tahunan Jabatan mengenai institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan menjalin perkongsian pintar dengan MAIN, entiti zakat negeri, pusat-pusat kecemerlangan tempatan serta antarabangsa dan Lembaga Tabung Haji;
2. Menghasilkan 3 penerbitan setiap tahun berkaitan pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan institusi wakaf, zakat, mal dan haji;
3. Memberikan perkhidmatan sokongan kepada *stakeholders* dan pelanggan secara responsif, cepat dan berintegriti tidak lewat 2 hari bekerja;
4. Memberikan khidmat nasihat kepada *stakeholders* dan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja selepas menerima pertanyaan;
5. Memberikan khidmat nasihat kepada YB Menteri (apabila diarahkan) tidak lewat daripada 3 hari bekerja mengenai perkhidmatan haji dan pelaburan Lembaga Tabung Haji;
6. Mensasarkan aduan sifar terhadap jabatan oleh *stakeholders* dan pelanggan pada setiap tahun;
7. Memastikan pengurusan kewangan jabatan mengikuti prosedur dan peraturan bagi memastikan peruntukan tahunan dibelanja sekurang-kurangnya 95%;

8. Memastikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) diadakan bagi setiap suku tahun;
9. Menjalankan 2 kali pengauditan dalaman mengenai pengurusan dan kewangan Jabatan selaras dengan peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa; dan
10. Memastikan laman web Jabatan sentiasa informatif dan dikemaskini sepanjang masa.

## MOTTO

***“ Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad ”***

Motto JAWHAR yang diperkenalkan menunjukkan harapan dan semangat JAWHAR untuk meningkatkan kemajuan ummah serta membangunkan bidang-bidang teras ke tahap yang lebih tinggi. YAB Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi pernah menyatakan "**Pembangunan fizikal adalah penting dan pembangunan rohani adalah lebih penting**". Sehubungan itu, warga JAWHAR akan sentiasa memastikan unsur pembangunan rohani diberi penekanan khusus di samping menguruskan pembangunan fizikal demi memartabatkan pembangunan sosio-ekonomi ummah ke arah keterbilangan.


## SLOGAN

***“ Betulkan Yang Lazim, Lazimkan Yang Betul ”***

Slogan JAWHAR pula membawa pengertian yang sangat mendalam. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab warga JAWHAR digesa untuk melaksanakannya dengan kaedah yang terbaik. Ia juga menunjukkan komitmen JAWHAR yang sangat mementingkan kualiti dalam setiap tindakan yang bakal diambil. Sebagai manusia biasa kesilapan tidak mampu dielakkan secara *total*, namun tahap kesilapan tersebut dapat diminimumkan sekiranya setiap tindakan difikirkan dengan teliti, dirancang dengan terperinci serta dilaksanakan dengan sebaiknya. Namun kesilapan yang sama tidak seharusnya berulang kerana kata pujangga Islam "**seseorang Muslim tidak akan terjatuh di dalam lubang yang sama dua kali.**"

Di samping motto dan slogan, pembentukan jati diri warga JAWHAR turut dilandaskan kepada penghayatan dan amalan beberapa nilai dan etika kerja yang dirangkumkan membentuk perkataan **HIJRAH** seperti di **Rajah 1** berikut:

Rajah 1 : Etika Kerja Warga Kerja JAWHAR




## STRUKTUR ORGANISASI

JAWHAR diketuai oleh seorang Ketua Pengarah dengan dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah dan disokong oleh 85 anggota terdiri dari pelbagai kumpulan dan gred jawatan. JAWHAR kini dibahagikan kepada 9 bahagian mengikut fungsi seperti dalam carta organisasinya di **Rajah 2** berikut:

**Rajah 2 : Carta Organisasi JAWHAR**

### CARTA ORGANISASI JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR) JABATAN PERDANA MENTERI



## TAHAP PENGGUNAAN ICT MASAKINI

Pada masa ini penggunaan ICT di JAWHAR secara amnya adalah lebih menjurus kepada sistem-sistem sokongan dalaman bersesuaian dengan tempoh penubuhan JAWHAR. Terdapat pelbagai kekangan yang berkaitan dengan daya usaha pembangunan ICT di JAWHAR seperti berikut:


- a. Pelaksanaan sistem ICT yang tidak menyeluruh;
- b. Kekurangan kemahiran sumber manusia;
- c. Skop pelaksanaan ICT lebih ditumpukan di peringkat dalaman;
- d. Kekurangan Sistem Maklumat Eksekutif (*Executive Information System - EIS*);
- e. Projek pengkomputeran tanpa melaksanakan proses perekayasaan (*Business Process Reengineering*);
- f. Kekurangan dalam pengurusan pengetahuan; dan
- g. Peruntukan kewangan yang tidak mencukupi bagi keperluan pembangunan ICT.







# **PERSEKITARAN ICT SEMASA**




## PERSEKITARAN ICT SEMASA

Persekitaran ICT semasa merujuk kepada penggunaan ICT dalam urusan kerja harian di JAWHAR termasuklah penggunaan sistem aplikasi, infrastruktur pengkomputeran, budaya penggunaan ICT sebagai saluran komunikasi, organisasi ICT JAWHAR dan perkhidmatan ICT yang disediakan.

### Rangka Kerja Peluang ICT

Kerajaan telah memperkenalkan satu rangka kerja peluang ICT yang menjadi panduan kepada agensi-agensi Kerajaan membangunkan *blueprint* ICT mereka. Rangka kerja peluang ICT Sektor Awam ini diguna pakai sepanjang pembangunan ISP JAWHAR dan digambarkan seperti di **Rajah 3** berikut:

**Rajah 3 : Rangka Kerja ICT**




Rujukan: *Malaysian Public Sector ISP – ICT Framework*

## **Penilaian ICT**

Penilaian ICT bertujuan untuk memahami persekitaran ICT semasa JAWHAR merangkumi lima (5) dimensi iaitu Strategi, Personel, Sistem, Teknologi dan Serahan (*Delivery*).

Organisasi ICT di JAWHAR adalah salah satu *Strategic Business Unit* (SBU) yang menyediakan perkhidmatan sokongan ICT untuk warga dalaman dan bertanggungjawab terhadap perkembangan dan penyelarasannya ICT di JAWHAR. JAWHAR memastikan keperluan ICT warga kerjanya diuruskan dengan baik menerusi pewujudan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) untuk menyokong keperluan ICT setiap warga kerja JAWHAR.


**Rajah 4 : Perkhidmatan Yang Disediakan Oleh BTM JAWHAR**



Sebelum ini, BTM JAWHAR membuat perancangan secara tahunan khusus untuk penyediaan bajet pembangunan dan pengurusan ICT.

Oleh itu, ISP JAWHAR ini merupakan satu usaha strategik ke arah mewujudkan perancangan bagi menentukan hala tuju pelaksanaan ICT JAWHAR. Ringkasan persekitaran ICT semasa adalah seperti di **Rajah 5** berikut:

**Rajah 5 : Persekutaran ICT Semasa dan Dalam Pembangunan**





# **STRATEGI ICT**



## STRATEGI ICT

Objektif BTM adalah menyediakan khidmat sokongan terbaik, cekap dan berkesan yang bertaraf dunia dalam pengurusan hal ehwal teknologi maklumat JAWHAR agar ianya menjadi pemacu ke arah kualiti penyampaian perkhidmatan yang terbilang. Justeru itu, hala tuju ICT JAWHAR yang strategik perlu menjurus ke arah mencapai visi tersebut.

Strategi ICT yang mantap dapat menjadi penggerak kepada transformasi JAWHAR ke arah persekitaran kerja berautomasi yang efisien. Strategi ICT merangkumi hala tuju strategik, peluang aplikasi dan infrastruktur ICT.

### Hala Tuju Strategik ICT


Agenda peringkat awal penggunaan ICT secara strategik di JAWHAR memerlukan pemantapan persekitaran yang membolehkan (*enabling environment*) untuk memastikan persekitaran yang kondusif. Ini termasuklah kepimpinan dan koordinasi, personel dan budaya kerja, polisi dan garis panduan dimantapkan untuk pembentukan persekitaran yang sesuai dalam mendorong pembangunan dan penggunaan ICT.

Objektif strategik ICT JAWHAR yang telah dirumus adalah:

- a. Mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan stakeholder melalui penambahbaikan dan penyeragaman saluran (*channel*), infrastruktur dan aplikasi ICT;
- b. Mempertingkatkan repositori *Knowledge Management* (KM) untuk memantap dan memperluaskan perkongsian pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik;
- c. Membangun dan memperkuatkkan aplikasi strategik ICT dalam menyokong hala tuju dan fungsi-fungsi utama JAWHAR;
- d. Memperkuatkkan tadbir urus ICT dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan; dan
- e. Mempertingkatkan kompetensi ICT dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih efektif.

Pemetaan objektif strategik ICT JAWHAR kepada Rangka Kerja Peluang ICT yang berpandukan kepada ISP Sektor Awam ditunjukkan di **Rajah 6** berikut:

**Rajah 6 : Objektif Strategik ICT dengan Rangka Kerja Peluang ICT JAWHAR**



### Peluang ICT

Peluang ICT yang strategik merujuk kepada penggunaan ICT secara efektif yang dapat menyokong JAWHAR dalam mencapai visi, misi dan objektifnya. Proses untuk mengenal pasti peluang ICT bagi JAWHAR mengambil kira pelbagai aspek termasuk:

- a. Penilaian bisnes dan ICT semasa;
- b. Isu dan jurang yang dikenal pasti berdasarkan kepada pemerhatian persekitaran secara keseluruhan;
- c. Input daripada anggota dan pengurusan JAWHAR; dan
- d. Hala tuju dan *trend* ICT semasa di Sektor Awam dan peringkat antarabangsa.

Pendekatan secara holistik diambil untuk memastikan peluang ICT yang dikenal pasti memenuhi keperluan operasi dan keperluan pengurusan dalam perancangan dan pembuatan keputusan. Peluang ICT yang dikenal pasti dibahagikan kepada dua (2) kategori, iaitu peluang aplikasi dan peluang persekitaran yang membolehkan (*Enabling Environment*).

## Peluang Aplikasi


Peluang aplikasi yang dikenal pasti adalah hasil daripada pendekatan yang digunakan secara menyeluruh berdasarkan Pelan Strategik JAWHAR 2007 – 2011 dengan mengambil kira keperluan operasi dan pengurusan.

Seni bina aplikasi bagi persekitaran pengkomputeran JAWHAR dirumus berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut:

- Keperluan bisnes secara holistik (merentasi semua SBU di JAWHAR);
- Perkongsian sumber dan maklumat; dan
- Penjajaran dengan Rangka Kerja ICT Sektor Awam.

Peluang aplikasi yang dikenal pasti mengikut Rangka Kerja Peluang ICT Sektor Awam dipaparkan di **Rajah 7** dan ringkasan bagi setiap projek diterangkan di **Jadual 1**:

**Rajah 7 : Peluang Aplikasi JAWHAR**



**Jadual 1 : Ringkasan Projek ICT Aplikasi JAWHAR**

<b>Kategori</b>	<b>Peluang</b>	<b>Status</b>	<b>Ringkasan</b>
Gateway	a. Laman Web / Portal JAWHAR	Peningkatan	Laman web / Portal merupakan gerbang maklumat untuk anggota JAWHAR, agensi Kerajaan, <i>stakeholders</i> dan semua pihak yang berkaitan. Pelanggan boleh memberi maklum balas yang berkaitan.
Aplikasi Komuniti	a. Sistem e-Wakaf	Baru	Menyediakan satu sistem rekod tanah dan harta wakaf seluruh negara di mana maklumat tersebut dapat dicapai secara atas talian.
	b. Sistem e-Aduan	Baru	Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada awam dan dapat mewujudkan bank data.
Aplikasi Spesifik Agensi	a. Sistem Penempahan Bilik Mesyuarat (SISMEET)	Peningkatan	Peningkatan sistem sedia ada daripada aspek teknikal, fungsi dan penambahbaikan antaramuka.
	b. Sistem Penempahan Kenderaan (SISCAR)	Peningkatan	Peningkatan sistem sedia ada daripada aspek teknikal, fungsi dan penambahbaikan antaramuka.
	c. Sistem Kemasukan Surat (SISLETTER)	Peningkatan	Peningkatan sistem sedia ada daripada aspek teknikal, fungsi dan penambahbaikan antaramuka.
	d. Sistem Personel (SISRES)	Peningkatan	Peningkatan sistem sedia ada daripada aspek teknikal, fungsi dan penambahbaikan antaramuka.
	e. Sistem Kedatangan (Pro-Time)	Selenggara	Memastikan sistem berfungsi dengan baik.
	f. Sistem Pengurusan Aset dan Stor (MyAsset)	Selenggara	Memastikan sistem berfungsi dengan baik.
	g. Sistem Knowledge Sharing	Baru	Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pihak awam dan dapat mewujudkan sistem berkaitan <i>knowledge sharing</i> .

<b>Kategori</b>	<b>Peluang</b>	<b>Status</b>	<b>Ringkasan</b>
Aplikasi <i>Enterprise Wide</i>	a. Sistem ILMU	Baru	Sistem ILMU merupakan satu sistem perpustakaan di mana perekodan buku-buku akan lebih bersistematis dan carian dapat dibuat secara online. Ini akan menjadikan JAWHAR sebagai gedung ilmu berkaitan dengan wakaf, zakat, mal dan haji di persada dunia.
	b. Sistem Perancangan Kawalan Belanjawan (e-SPKB)	Selenggara	Memastikan sistem berfungsi dengan baik dan membantu dari segi teknikal sekiranya terdapat penambahan modul baru.
	c. Sistem Perolehan Kerajaan (e-Perolehan)	Selenggara	Memastikan sistem berfungsi dengan baik dan membantu dari segi teknikal sekiranya terdapat penambahan modul baru.
	d. Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)	Selenggara	Memastikan sistem berfungsi dengan baik dan membantu dari segi teknikal sekiranya terdapat penambahan modul baru oleh JPA yang melaksanakan pemakaian fungsi di dalam sistem secara berperingkat.
	e. Sistem Maklumat Sumber Manusia (SISPEN)	Selenggara	Memastikan sistem berfungsi dengan baik dan membantu dari segi teknikal sekiranya terdapat penambahan modul baru.
	f. Sistem Pemantauan Projek II (SPPII)	Selenggara	Memastikan sistem berfungsi dengan baik dan membantu dari segi teknikal sekiranya terdapat penambahan modul baru.
	g. Sistem Permohonan dan Pemantauan Projek ICT (PAMS)	Selenggara	Memastikan sistem berfungsi dengan baik dan membantu dari segi teknikal sekiranya terdapat penambahan modul baru.
Knowledge Bank	a. Sistem e-Bayanat (Bank Data)	Baru	Proses yang melibatkan aktiviti pengumpulan, penyusunan, perkongsian dan penyampaian pengetahuan maklumat dan data harta wakaf, zakat, mal dan haji. Data yang terkumpul memudahkan pihak pengurusan membuat analisis dan proses membuat keputusan ( <i>decision making</i> ) berdasarkan fakta yang tepat dalam masa yang cepat.

Kategori	Peluang	Status	Ringkasan
Program promosi	a. Penerbitan Iklan JAWHAR	Baru	Program pendidikan kepada masyarakat umum menerusi promosi iklan mengenai bidang wakaf, zakat dan mal menerusi media massa.
	b. Penerbitan Dokumentari JAWHAR	Baru	Program pendidikan kepada masyarakat umum menerusi penerbitan rancangan televisyen dokumentari mengenai bidang wakaf, zakat dan mal.

### **Peluang *Enabling Environment***

Satu persekitaran pengkomputeran yang mampan diperlukan untuk menyokong pelaksanaan projek aplikasi ICT yang telah dikenal pasti. Peluang *Enabling Environment* terdiri daripada:

- a. Teknologi yang merangkumi:
  - Infrastruktur;
  - Sistem Pengurusan Perisian; dan
  - Keselamatan/Sekuriti
- b. Koordinasi yang merangkumi:
  - Polisi dan Garis Panduan;
  - Personel dan Budaya (*People and Culture*); dan
  - Latihan (*Training*)

### **Rangka Asas Strategi Teknologi**

Projek-projek asas ICT hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum pelan ICT jangka panjang dimulakan bagi menyediakan persekitaran ICT JAWHAR yang kukuh. Asas strategi teknologi merupakan langkah jangka panjang untuk merealisasikan seni bina teknologi. Asas strategi teknologi untuk JAWHAR adalah seperti berikut:


1. Membina infrastruktur rangkaian yang kukuh, boleh ditingkatkan dan mudah diurus di samping mempunyai jalur lebar yang mencukupi untuk sumber-sumber rangkaian;
2. Menyediakan persekitaran yang sihat untuk perkakasan komputer dan peralatan rangkaian;
3. Mewujudkan satu platform pengkomputeran yang standard bagi memastikan sistem ICT boleh ditingkat (*scalable*) dan diintegrasi;

4. Memilih penyelesaian teknologi yang dapat menyokong sistem ketersediaan tinggi (*high availability*) dan tahan rosak (*fault tolerant*); dan
5. Membina aplikasi yang menggunakan saluran capaian (*access channel*) yang universal seperti pelayar web (*web browser*).

### **Seni Bina Teknologi**

Seni bina teknologi menunjukkan bagaimana infrastruktur semasa dan masa hadapan digabungkan untuk menyokong sistem ICT JAWHAR. **Rajah 8** menunjukkan bagaimana komponen-komponen asas ICT iaitu *platform*, pangkalan data, *server*, gerbang, sekuriti, rangkaian, saluran capaian (*access channel*), *front-end-tools* dan komuniti berhubung kait di antara satu dengan yang lain. **Jadual 2** berikut merupakan senarai projek ICT *Enabling Environment*.

**Rajah 8 : Seni Bina Teknologi JAWHAR**



Rujukan: *Malaysian Public Sector ISP Technology Architecture*

**Jadual 2 : Ringkasan Projek ICT *Enabling Environment* JAWHAR**

Kumpulan	Projek	Status	Ringkasan
Infrastruktur	a. Peningkatan Rangkaian Setempat (LAN)	Peningkatan	Menaiktaraf sistem rangkaian setempat(LAN)JAWHAR dengan kerjasama pihak MAMPU.
Persekuturan Pengkomputeran ( <i>Computing Environment</i> )	a. Perolehan Server	Baru	<p>Server yang dipohon adalah bagi kegunaan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perolehan pendua(<i>redundant</i>) web server bagi membekalkan kesediaan maklumat serta menjamin kesinambungan perkhidmatan walaupun berlakunya gangguan atau kerosakan pada mana-mana peralatan atau sistem. Penduaan ini adalah perlu bagi meningkatkan kestabilan sesuatu sistemataukomponen aplikasi laman web/portal yang dianggap kritikal dan beroperasi 24 jam; dan</li> <li>2. Perolehan server untuk Sistem Ilmu.</li> </ol>
	b. Penambahan Komputer Peribadi dan aksesori ICT	Baru	Projek ini bertujuan untuk menambahkan komputer peribadi kepada warga JAWHAR setelah penstrukturran semula diluluskan oleh JPA.
	c. Pengurusan Storan - <i>Network Attached Storage</i> (NAS)	Baru	Projek ini bertujuan untuk memasang NAS bagi penyelesaian storan data.
Sistem Pengurusan Perisian	a. Sistem Bantuan ICT (SISHELP)	Peningkatan	Projek ini bertujuan untuk melaksana Sistem Bantuan ICT kepada pengguna JAWHAR.
	b. <i>Remote Desktop Management</i>	Baru	Projek ini menggunakan <i>Desktop Management Software</i> sebagai salah satu cara untuk menyokong sistem sokongan desktop.

Kumpulan	Projek	Status	Ringkasan
Keselamatan (Sekuriti)	a. Penaiktarafan <i>Firewall</i> dalaman	Baru	Projek ini bertujuan untuk menaik taraf <i>firewall</i> sedia ada bagi memastikan sistem keselamatan yang mampu bertindak dengan pantas ( <i>responsive</i> ) dan tangkas ( <i>resilient</i> ).
	b. Anti Virus	Peningkatan	Projek ini bertujuan memasang sistem <i>anti virus</i> bersepadu yang diurus secara berpusat.
Koordinasi	a. Penyeragaman dan Polisi ( <i>Standardisation and Policy</i> )	Baru	Penyeragaman dan polisi perlu ditetapkan sebelum pelaksanaan projek-projek lain bagi memastikan keseragaman dalam pelaksanaan projek-projek yang telah dikenal pasti daripada segi <i>look and feel, interoperability</i> .
	b. Pengurusan Projek ( <i>Project Management</i> ) dan Pengurusan Perubahan ( <i>Change Management</i> )	Baru	Pengurusan Projek (PM) yang sistematik dan efektif adalah penting untuk memastikan kejayaan pelaksanaan projek ICT.  Pengurusan Perubahan (CM) adalah komponen penting membawa perubahan persekitaran kerja daripada kaedah manual kepada persekitaran berautomasi. Interaksi di antara anggota kerja, sistem dan proses kerja merupakan elemen penting semasa proses peralihan ini.
	c. Latihan Kemahiran ICT / Seminar / Bengkel yang berterusan	Baru	Program latihan ICT yang berstruktur dan berterusan perlu menjadi agenda penting yang berterusan dan secara berkala. Ini penting untuk melahirkan anggota ICT yang berkemahiran dan kompeten.



### **Keutamaan Projek ICT**

Penetapan keutamaan setiap projek ICT yang dikenal pasti adalah penting untuk merancang pelan pelaksanaan projek pengkomputeran bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Tahap keutamaan setiap projek ICT yang dikenal pasti dinilai berdasarkan kepada tiga (3) kriteria berikut:


- Kepentingan kepada bidang-bidang teras JAWHAR (Tinggi atau rendah);
- Kepentingan (*Urgency*) (Tinggi atau rendah); dan
- Kebergantungan (jika ada).

Keutamaan untuk setiap projek ICT yang dikenal pasti ditunjukkan di **Rajah 9** dan **Rajah 10**.

**Rajah 9 : Keutamaan Projek ICT – Aplikasi**

Kepentingan Kepada JAWHAR	Tinggi	<b>Keutamaan 2</b> 1. SisMeet 2. SisCar 3. SisLetter 4. SisRes	<b>Keutamaan 1</b> 1. Peningkatan Laman Web 2. Sistem e-Wakaf 3. Sistem e-Aduan 4. Sistem e-Bayanat 5. Sistem ILMU 6. Program promosi – iklan dan dokumentari
	Rendah	<b>Keutamaan 4</b> 1. MyAsset	<b>Keutamaan 3</b>
	Rendah	Tindakan Segera	Tinggi

**Rajah 10 : Keutamaan Projek ICT - Teknologi**



### Tadbir Urus ICT

Struktur tadbir urus ICT yang mampan, dinamik dan fleksibel perlu diwujudkan untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan. Pelaksanaan struktur tadbir urus ICT dapat dimantapkan lagi dengan beberapa cadangan berikut:


- Penubuhan Jawatankuasa Pemandu ICT JAWHAR (JPICT) dalam pengukuhan struktur tadbir urus seperti yang ditunjukkan di **Rajah 11**;
- Menstruktur dan mengukuhkan semula Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) menerusi cadangan Penstrukturan Semula JAWHAR seperti di **Rajah 12**;
- Mewujudkan *Service Level Agreement (SLA)*; dan
- *Outsource* projek atau operasi ICT yang kos efektif.



**Rajah 11 : Cadangan Struktur Tadbir Urus – Peringkat Dalaman JAWHAR**



**Rajah 12 : Cadangan Organisasi Baru ICT JAWHAR**



# **Pelan Pelaksanaan ICT**



## Pelan Pelaksanaan ICT

Pelan pelaksanaan membentangkan susunan tindakan yang perlu diambil untuk memastikan projek ICT di JAWHAR yang dikenal pasti dapat dilaksanakan dalam tempoh yang dirancang. Pelan ini menjadi panduan kepada JAWHAR untuk merealisasikan nilai strategik setiap projek ICT tersebut dalam meningkatkan prestasi dan penyampaian perkhidmatan JAWHAR kepada pelanggan dan *stakeholders*. Pelan pelaksanaan peringkat tinggi (*high level implementation plan*) ini merangkumi strategi pelaksanaan, jadual pelaksanaan dan anggaran kos bagi projek ICT yang dikenal pasti untuk tempoh lima (5) tahun akan datang (2007-2011).



## Strategi Pelaksanaan

Pelaksanaan projek ICT yang dikenal pasti melibatkan pelbagai aspek seperti personel, proses kerja dan sistem. Strategi pelaksanaan diperlukan untuk menyelaras interaksi di antara komponen yang terlibat dan menjadi panduan kepada pelaksanaan projek ICT di JAWHAR. Ia juga adalah sejajar dengan strategi pelaksanaan projek ICT di peringkat Sektor Awam.

- Pelaksanaan projek secara berperingkat-peringkat;
- Penumpuan diberikan kepada projek yang boleh dilaksanakan dengan cepat dan mudah (*quick win*) dan mengikut keutamaan JAWHAR;

- c. Memperkasa struktur Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bagi memastikan BTM mempunyai kekuatan dan kompetensi yang mencukupi untuk melaksanakan projek ICT yang telah dikenal pasti dan menjalankan tanggungjawab sebagai penyedia perkhidmatan ICT dalam yang utama;
- d. Menggunakan pendekatan *outsourcing* (mengikut kesesuaian) projek dan manfaatkan inisiatif sedia ada atau pembekal perkhidmatan mengikut kesesuaian untuk memastikan pelaksanaan (*deployment*) dibuat dengan cepat; dan
- e. Memastikan keberkesanan pengurusan projek ICT untuk menyelaras dan menguruskan pelaksanaan projek-projek ICT yang telah dirancang.




#### **Jadual Pelaksanaan ICT JAWHAR**

Jadual pelaksanaan ini mengandungi aktiviti-aktiviti projek ICT secara terperinci untuk jangka masa lima (5) tahun akan datang yang berpaksikan kepada teras strategik JAWHAR yang telah dikenal pasti.



**Rajah 13 : Jadual Pelaksanaan Keseluruhan Projek ICT JAWHAR**



### **Faktor Kejayaan Utama dan Penanda Aras Utama**

Terdapat banyak faktor yang boleh menyumbang kepada kejayaan sesuatu projek ICT, namun penekanan wajar diberikan hanya kepada faktor utama yang benar-benar memberi impak.

Jadual berikut membentangkan secara terperinci setiap teras strategik ISP JAWHAR dengan menyedia dan menyatakan objektif, faktor kejayaan utama (*Key Success Factors-KSFs*), tempoh, dan penanda aras utama (*Key Performance Indicators-KPIs*).



**Jadual 4 : Faktor Kejayaan Utama dan Penanda Aras Utama**

BIL.	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR UTAMA PENENTU KEJAYAAN (key success factors - KSFs)	TEMPOH		PENANDA ARAS UTAMA (key performance indicators – KPIs)
				MULA	AKHIR	
<b>TERAS STRATEGIK 1: “Pengukuhkan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji selaras dengan syariah demi peningkatan taraf sosio-ekonomi ummah”</b>						
1.	Program pengumpulan maklumat dan data (harta wakaf, zakat dan mal di seluruh negara).	Menghasilkan pengkalan data harta wakaf, zakat dan mal di Malaysia.	i. Kerjasama MAIN dan agensi-agensi berkaitan. ii. Peruntukan kewangan.	2007	2008	i. 10 Lawatan Kerja. ii. Laporan Berkala dikemukakan kepada stakeholders yang memerlukan.
2.	Program pembangunan Sistem E-Wakaf.	Menyediakan satu sistem rekod tanah dan harta wakaf seluruh negara.	i. Kerjasama dan kesediaan MAIN memberikan maklumat. ii. Keupayaan membangunkan sistem yang komprehensif. iii. Peruntukan kewangan.	2008	2009	Sistem dapat digunakan sepenuhnya pada 2009.
3.	Program pengurusan aduan haji dan umrah.	i. Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. ii. Mewujudkan satu bank data yang komprehensif mengenai aduan haji dan umrah.	i. Sistem pengurusan aduan yang berkesan. ii. Khidmat sokongan ICT yang efektif dan berkesan. iii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	i. Maklumbalas pertama dalam masa 24 jam. ii. 50% aduan dapat diselesaikan dalam masa 14 hari. iii. 95% aduan dapat diselesaikan dalam tempoh 30 hari.
<b>TERAS STRATEGIK 5: “Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi penyelidikan dan penyalarasannya yang memanfatkan ummah”</b>						
1.	Program pemantapan bank data wakaf, zakat, mal dan haji.	Memastikan data-data sentiasa dikemaskini dan komprehensif.	i. Kerjasama dan komitmen setiap Bahagian. ii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	i. Bank data dapat diwujudkan selewat-lewatnya 31 Dis 2007. ii. Data/ laporan dikemaskini setiap suku tahun.

<b>TERAS STRATEGIK 6: “Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengurusan teknologi maklumat dalam memacu keterbilangan kualiti penyampaian perkhidmatan”</b>						
1.	Program penyediaan prasarana, sistem dan kelengkapan ICT yang efektif.	Meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan produktiviti JAWHAR.	i. Latihan dan kemahiran ICT. ii. Penyelenggaraan yang lengkap. iii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	Jurang Digital sifar bagi semua warga JAWHAR.
2.	Program khidmat sokongan teknikal ICT yang cekap dan responsif.	Memastikan peralatan ICT sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan seiring dengan perkembangan teknologi semasa.	i. Pegawai yang kompeten. ii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	Aduan sifar dengan tindakan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 jam pertama mengambil maklum akan aduan /masalah.</li> <li>• Menyelesaikan aduan / masalah pengguna dalam masa 3 jam.</li> <li>• Memastikan tidak melebihi 7 hari sekiranya masalah perlu dirujuk kepada pihak pembekal / penyelenggara</li> </ul>
3.	Program pembangunan sistem sokongan dalaman dan luaran.	Mewujudkan sistem / pangkalan data bagi menyokong fungsi teras JAWHAR.	i. Sistem yang memenuhi kehendak stakeholders. ii. Kerjasama MAIN dan agensi berkaitan. iii. Peruntukan kewangan.	2008	2011	1 sistem setiap tahun.
4.	Program latihan aplikasi sistem ICT yang cekap.	Meningkatkan pengetahuan ICT di kalangan warga JAWHAR.	i. Modul latihan menepati keperluan. ii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	100% warga JAWHAR diberi latihan sepenuhnya.
5.	Program Pembangunan Pusat Sumber Digital.	i. Mempromosikan aktiviti-aktiviti Jabatan. ii. Memberi pendidikan yang berasaskan ICT kepada stakeholders dan masyarakat.	i. Program yang menarik. ii. Medium penyebaran yang berkesan. iii. Kerjasama dari MAIN dan agensi berkaitan. iv. Peruntukan kewangan.	2007	2011	i. 2 program promosi dan pendidikan setahun. ii. Melebarkan 50% capaian kepada bahan-bahan rujukan Pusat Sumber kepada masyarakat secara digital.


6.	Program Pembangunan Laman Web JAWHAR yang informatif dan kemaskini.	Memastikan laman web JAWHAR adalah yang terbaik dalam perkhidmatan awam di Malaysia.	i. Tenaga kerja yang kompeten. ii. Kerjasama dan komitmen semua Bahagian untuk input dan maklumat. iii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	Laman web JAWHAR dikemaskini setiap hari bekerja.
----	---	--	--	------	------	---

**TERAS STRATEGIK 7: “Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengurusan sumber manusia dan pentadbiran yang responsif dan berintegriti”**

1.	Program Penjenamaan JAWHAR.	Untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kewujudan Jabatan dan fungsi-fungsi serta tanggungjawabnya.	i. Saluran maklumat yang komprehensif. ii. Peruntukan kewangan. iii. Sokongan daripada setiap warga JAWHAR. iv. Pengumpulan dan pengendalian maklumbalas pelanggan.	2007	2011	i. Liputan media untuk setiap program / pencapaian utama JAWHAR. ii. 2 penyertaan JAWHAR setahun. iii. Pengedaran kepada setiap Kementerian /Agensi Kerajaan setiap penerbitan JAWHAR dalam tempoh seminggu setelah diterbitkan. iv. Laman Web JAWHAR yang informatif dan sentiasa dikemaskini.
----	-----------------------------	---	--	------	------	--



# **Penutup**



## Penutup

Pelan Strategik ICT JAWHAR ini merupakan satu pelan awal/blueprint yang memberi gambaran menyeluruh tentang perancangan JAWHAR untuk membangun dan mengoptimumkan penggunaan ICT bagi mencapai hala tuju dan objektif strategik JAWHAR.

Pelan ini mengenalpasti projek-projek ICT yang perlu dilaksanakan mengikut jangka masa yang dirancang bagi tempoh 2007 - 2011. Kejayaan pelaksanaan projek-projek ICT ini dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan JAWHAR kepada pelanggan dan meningkatkan kualiti maklumat yang disampaikan kepada *stakeholders* menerusi pelbagai aplikasi dan penyelesaian teknologi untuk menyokong bidang-bidang teras, operasi harian dan keperluan pihak pengurusan serta *stakeholders*.

Pelan ini akan dijadikan satu dokumen induk dan garis panduan yang mengandungi perancangan ICT untuk jangka masa lima tahun dan akan dijadikan bahan rujukan sepanjang tempoh tersebut. Ianya juga akan membantu pihak JAWHAR dalam merancang peruntukan kewangan dan pengagihan sumber tenaga yang diperlukan bagi melaksanakan projek-projek ICT yang telah dirancang. Sekiranya perlu, dokumen ini wajar dikemaskini dan dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan ianya sentiasa relevan, memenuhi objektif serta memastikan pembangunan ICT JAWHAR berada di landasan yang betul.



